

KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA 2005

1. PROFIL PERIKANAN

Sektor perikanan pada tahun 2005 telah menghasilkan 1,421,404.83 tan metrik pengeluaran ikan bernilai RM 5,245.68 juta. Pengeluaran ikan mencatatkan penurunan sebanyak 7.58% dari segi pengeluaran dan sebanyak 4.23% dari segi nilai. Sumbangan sektor perikanan kepada KDNK* adalah 1.08% bagi tahun 2005.

Mengikut sektor, pengeluaran perikanan tangkapan marin menyumbang 1,209,601 tan metrik atau 87.1% daripada pengeluaran ikan negara yang bernilai RM 4,017.52 juta. Perikanan pantai masih kekal sebagai penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 988,313 tan metrik atau 71.17% daripada keseluruhan pengeluaran ikan negara. Sektor perikanan laut dalam telah menyumbang 221,288 tan metrik iaitu 15.94% daripada keseluruhan pengeluaran ikan negara.

Sektor akuakultur pula telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 207,219.66 tan metrik, menghasilkan 14.58% daripada jumlah pengeluaran ikan negara. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.47% jika dibandingkan dengan pengeluaran pada tahun 2004. Di samping itu, pengeluaran daripada sektor ini menunjukkan kenaikan dari segi nilai pengeluaran sebanyak 3.24% daripada RM 1,158.5 juta pada tahun 2004 kepada RM 1,196.0 juta pada tahun 2005.

Sektor perikanan darat masih merupakan sektor yang kecil dimana pada tahun 2005 hanya mencatatkan pengeluaran sebanyak 4,582.17 tan metrik atau 0.33% daripada jumlah pengeluaran ikan negara bernilai RM 32.16 juta.

* Keluaran Dalam Negara Kasar adalah RM 495,239 juta (Akaun Keluaran Dan Perbelanjaan Negara, Suku Pertama 2006, muka surat 28)

Daripada segi tenaga kerja sektor perikanan mempunyai seramai 90,702 orang nelayan yang bekerja di atas vesel berlesen dan 20,642 orang penternak ikan terlibat dalam pelbagai sistem akuakultur. Angka ini tidak termasuk ramai lagi para pengusaha yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti hiliran dan industri yang berkaitan dengan industri perikanan. Pada tahun 2005, jumlah vesel menangkap ikan yang dilesenkan ialah 36,016 unit yang kebanyakan daripadanya mengusahakan peralatan tradisional.

2. PERIKANAN TANGKAPAN MARIN

2.1 Nelayan

Sejumlah 90,702 orang nelayan telah direkodkan bekerja di atas vesel menangkap ikan berlesen pada tahun 2005 berbanding dengan 89,453 orang pada tahun 2004. Seramai 39,221 orang nelayan bekerja di atas vesel pukat tunda dan pukat jerut ikan manakala selebihnya iaitu 51,481 orang nelayan bekerja di atas vesel menangkap ikan tradisional. Terdapat seramai 35,019 (38.6%) orang nelayan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, 24,153 (26.6%) orang nelayan di Pantai Timur dan 31,530 (34.8%) orang nelayan di Malaysia Timur.

Bilangan bilangan nelayan asing yang didaftarkan telah menurun daripada 28,154 orang yang didaftarkan pada tahun 2004 kepada 25,888 orang pada tahun 2005, iaitu penurunan sebanyak 8.05%.

2.2 Vesel Menangkap Ikan

Pada keseluruhannya bilangan vesel menangkap ikan yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 36,016 buah pada tahun 2005 berbanding dengan 36,136 buah pada tahun 2004, menurun sebanyak 0.33%.

Bilangan vesel menangkap ikan berlesen di Semenanjung Malaysia mencatatkan bilangan sebanyak 22,041 unit pada tahun 2005 iaitu 61.20% dari keseluruhan bilangan vesel di Malaysia. Pantai Barat mencatatkan sebanyak 15,611 unit, iaitu sebanyak 70.83% dari Semenanjung Malaysia, manakala Pantai Timur mencatatkan peratus sebanyak 29.17% iaitu sebanyak 6,430 unit sahaja. Di Pantai Barat bilangan vesel yang paling banyak adalah di negeri Perak iaitu sebanyak 4,606 unit (29.50%), manakala di Pantai Timur negeri Terengganu mencatatkan bilangan vesel terbanyak iaitu 2,442 unit (37.98%).

Bilangan vesel di Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Labuan) mencatatkan bilangan sebanyak 13,975 unit iaitu hanya 38.80% sahaja dan bilangannya yang tertinggi didapati di negeri Sabah iaitu 10,456 unit.

Bilangan vesel menangkap ikan di sektor perikanan laut dalam agak kecil jika dibandingkan dengan bilangan vesel perikanan laut pantai. Pada tahun 2005 terdapat 35,180 buah vesel yang dilesenkan untuk menerokai perairan laut pantai berbanding dengan hanya 836 unit di perairan laut dalam iaitu peningkatan sebanyak 3 unit daripada 833 unit pada tahun 2004.

2.3 Perkakas Menangkap Ikan

Sesebuah vesel menangkap ikan yang dilesenkan pada kebiasaannya mengusahakan sejenis pekakas sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat

vesel yang beroperasi lebih daripada sejenis alat menangkap ikan samada pada masa yang sama atau pun di musim yang berlainan. Oleh sebab itu, bilangan lesen yang dikeluarkan untuk pekakas menangkap ikan dengan bilangan lesen yang dikeluarkan untuk vesel menangkap ikan pada lazimnya tidak sama. Bilangan perkakas menangkap ikan yang dilesenkan menurun sebanyak 1,909 unit daripada 37,925 unit pada tahun 2004 kepada 36,016 unit pada tahun 2005.

2.4 Pendaratan Ikan Marin

Lebih dari 80% daripada pendaratan ikan marin adalah sumbangan dari sektor laut pantai. Sumbangan ini dianggap pada tahap optima dan ianya dijangka dalam lingkungan 900,000 tan metrik setahun, kadang kala naik dan kadang kala menurun bergantung kepada keadaan. Sebaliknya pendaratan dari sektor laut dalam adalah sentiasa dalam trend menaik dalam kadar 10-20% setahun. Memandangkan bahawa sumbangan dari sektor laut dalam adalah hanya 10%, prestasinya kadang kala tidak dapat dilihat.

Pada tahun 2005, pendaratan ikan marin menurun dengan agak ketara berbanding dengan tahun-tahun lain yang biasanya dalam bertambah dalam kadar 1% hingga 4%. Pendaratan ikan marin mencatatkan 1,209,601 tan metrik, menurun sebanyak 9.16% berbanding dengan 1,331,645 tan metrik pada tahun 2004. Perubahan yang berlaku adalah pada sektor laut pantai yang merosot sebanyak 13% dari 1,135,959 tan metrik pada tahun 2004 kepada 988,313 tan metrik pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, pendaratan dari sektor laut dalam pula, bertambah sebanyak 13.08% dari 195,686 tan metrik pada 2004 kepada 221,288 tan metrik pada tahun 2005.

Pendaratan Ikan marin untuk tahun 2005 adalah sepertimana dijadual berikut:

Negeri	Laut Pantai		Laut Dalam		Jumlah	
	Tan Metrik	Nilai (RM)	Tan Metrik	Nilai (RM)	Tan Metrik	Nilai (RM)
Perlis	91,093	302,349,321	41,954	139,250,693	133,047	441,600,014
Kedah	51,114	169,655,066	12,589	41,784,788	63,703	211,439,854
P.Pinang	19,894	66,030,201	3,554	11,799,405	23,449	77,829,606
Perak	183,729	609,821,650	30,111	99,942,523	213,840	709,764,173
Selangor	74,141	246,082,569	0	0	74,141	246,082,569
N.Sembilan	364	1,207,168	0	0	364	1,207,168
Melaka	1,775	5,890,995	0	0	1,775	5,890,995
J.Barat	15,587	51,736,645	0	0	15,587	51,736,645
Pantai Barat	437,698	1,452,773,616	88,208	292,777,409	525,906	1,745,551,025
Kelantan	17,160	56,956,827	29,335	97,364,310	46,494	154,321,137
Terangganu	82,519	273,890,399	10,492	34,827,518	93,012	308,717,917
Pahang	84,965	282,010,542	26,277	87,216,984	111,242	369,227,526
J.Timur	62,718	208,169,991	5,177	17,179,883	67,894	225,349,874
Pantai Timur	247,362	821,027,759	71,280	236,588,695	318,642	1,057,616,454
Semenanjung	685,060	2,273,801,375	159,488	529,366,104	844,548	2,803,167,478
Sarawak	105,845	351,315,171	52,831	175,353,884	158,676	526,669,055
Sabah	180,910	600,464,247	6,158	20,435,898	187,067	620,900,145
Labuan	16,498	61,299,312	2,811	5,484,438	19,310	66,783,750
MALAYSIA	988,313	3,286,880,105	221,288	730,640,324	1,209,601	4,017,520,428

Penurunan di sektor laut pantai disebabkan oleh bencana tsunami pada 26hb Disember 2004, yang mempengaruhi pendaratan untuk enam bulan berturut-turut pada awal tahun 2005. Penurunan pendaratan disebabkan oleh kekurangan vesel-vesel yang keluar ke laut akibat kerosakan dan juga ketakutan para nelayan sendiri. Pada tempoh akhir tahun 2005, pendaratan laut pantai juga dipengaruhi oleh masalah kenaikan harga minyak disel.

Di Semenanjung Malaysia, sumbangan pendaratan ikan marin yang terbanyak adalah dari vesel-vesel Pukat Tunda (54.56%) diikuti oleh Pukat Jerut Ikan (25.68%) dan perkakas tradisi (19.76%). Dari segi kawasan pula, Pantai Barat memberi sumbangan sebanyak 62.27%

daripada Semenanjung Malaysia dimana negeri Perak sebanyak 25.32% diikuti oleh Perlis, 15.75%. Di Pantai Timur negeri Pahang dan Terengganu menyumbang 13.17% dan 11.01% masing-masing. Lain-lain negeri menyumbang kurang dari 8.8%.

Di Semenanjung Malaysia juga, pendaratan oleh Pukat Tunda telah menurun sebanyak 13.60% di sebelah Pantai Barat dan sebanyak 12.17% di Pantai Timur. Sebaliknya pendaratan Pukat Jerut ikan meningkat di Pantai Barat (18.92%) dan menurun di Pantai Timur (8.14%).

Pada tahun ini, pendaratan vesel-vesel yang menangkap ikan tuna di laut lepas Lautan India mula dikutip. Buat masa ini semua vesel-vesel ini mendarat ikan tuna oceanic di Pulau Pinang dimana untuk tahun 2005, sejumlah 2,400 tan metrik telah direkod.

Di Semenanjung Malaysia, sektor laut pantai masih menyumbangkan 81.12% daripada tangkapan ikan marin. Sektor ini menurun sebanyak 15.11% dari 807,027 tan metrik kepada 685,060 tan metrik pada tahun 2005. Sektor laut dalam mengembang sebanyak 12.26% dari 142,075 tan metrik kepada 159,489 tan metrik pada tahun 2005. Pendaratan dari sektor laut dalam di Semenanjung Malaysia adalah 72.07% dari jumlah pendaratan laut dalam negara. Pada masa ini, sumbangan sektor ini dari Malaysia Timur kian meningkat sejajar dengan keadaan sumber perikanan di perairan ini.

Sumbangan pendaratan ikan marin di Semenanjung Malaysia adalah majoritinya dari sektor perikanan laut pantai (81.12%). Sebahagian besar pendaratan ikan di sektor laut pantai masih disumbangkan oleh bot-bot menangkap ikan komersial iaitu bot pukat tunda dan pukat jerut bermuatan kurang dari 70 GRT sebanyak 67.72%.

3. AKUAKULTUR

3.1 Pengeluaran Akuakultur

Pengeluaran akuakultur pada tahun 2005 dipengaruhi oleh pengeluaran kerang, kolam air tawar dan kolam air payau. Pengeluaran pada keseluruhannya direkodkan pada 207,219.66 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak 2.47% berbanding dengan tahun lepas. Angka ini menyumbangkan sebanyak 14.58% kepada pengeluaran ikan negara. Nilai pengeluaran pula bertambah sebanyak 3.24% daripada RM 1,158.5 juta pada tahun 2004 kepada RM 1,196.00 juta pada tahun 2005.

Sejumlah 20,642 penternak terlibat dalam industri akuakultur dalam tahun 2005, menurun (4.02%) daripada 21,507 orang pada tahun 2004. Sejumlah besar tenaga kerja terlibat dalam sektor air tawar iaitu 15,992 orang dan ini merupakan 77.47% daripada keseluruhan penternak akuakultur. Sektor air payau/masin pula melibatkan 4,650 orang penternak.

3.2 Ternakan Air Tawar

Ternakan air tawar menyumbang sebanyak 29.92% daripada jumlah pengeluaran akuakultur. Dalam tahun 2005 jumlah pengeluaran ternakan air tawar telah meningkat sebanyak 11.61% daripada 55,556.60 tan metrik kepada 62,006.61 tan metrik. Daripada segi nilai pula ia merekodkan RM293.30 juta iaitu peningkatan 14.98% berbanding tahun sebelumnya dan dengan itu menyumbang hampir 24.82% daripada jumlah nilai pengeluaran akuakultur keseluruhan.

Sektor ternakan kolam air tawar merupakan penggerak utama dalam sistem ternakan ini, menyumbang sebanyak 67.68% (41,963.29 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran air tawar iaitu meningkat 6.96% berbanding dengan pengeluaran tahun 2004. Daripada segi nilai ia mencatatkan peningkatan sebanyak 10.54% daripada RM 180.78 juta kepada RM 199.83 juta pada tahun 2005. Spesis utama yang ditenak ialah Keli (17,684.46 tan metrik), Tilapia Merah (12,843.01 tan metrik), Patin (2,896.98 tan metrik) dan Tilapia Hitam (2,551.82 tan metrik).

Pengeluaran dari bekas lombong meningkat sebanyak 33.98% daripada 8,646 tan metrik dalam tahun 2004 kepada 11,584.29 tan metrik dalam tahun 2005. Nilai pengeluaran juga meningkat sebanyak 44.09% daripada RM 30.79 juta dalam tahun 2004 kepada RM 43.19 juta dalam tahun 2005. Spesis utama yang dihasilkan ialah Tilapia Merah (5,838.51 tan metrik), Kap Kepala Besar (1,961.29 tan metrik) dan Tilapia Hitam (1,747.85 tan metrik)

Ternakan sangkar air tawar menyumbang 10.09% dari keseluruhan pengeluaran ternakan air tawar iaitu peningkatan sebanyak 11.47% daripada 5,610.73 tan metrik kepada 6,254.17 tan metrik dalam tahun 2005. Tilapia Merah merupakan spesis utama dengan pengeluaran sebanyak 3,561.95 tan metrik bernilai RM 18.02 juta dan diikuti Patin sebanyak 1,923.39 tan metrik bernilai RM 14.31 juta.

Ternakan tangki simen dan kandang menyumbang 9,779.62 tan metrik terutama ternakan Tilapia Merah, Keli dan Patin. Selangor merupakan pengeluar utama ternakan dari tangki simen. Manakala, pengeluaran paling tinggi sistem kandang ikan adalah dari negeri Kelantan iaitu sebanyak 248.05 tan metrik.

3.3 Sistem Air Payau

Sektor air payau dalam tahun 2005 menyumbang 70.08% daripada jumlah pengeluaran akuakultur. Sumbangan ini menurun 0.97% daripada 146,668.04 tan metrik pada tahun 2004 berbanding 145,213.05 tan metrik tahun 2005. Penurunan ini dipengaruhi oleh penghasilan kerang yang merosot sebanyak 7.81% daripada 64,564.75 tan metrik dalam tahun 2004 kepada 59,520.88 tan metrik dalam tahun 2005. Pengeluaran kerang merupakan 28.72% daripada jumlah pengeluaran dari sektor sistem air payau. Negeri Perak menghasilkan 40.63% daripada pengeluaran pada tahun 2005 iaitu sebanyak 47,509.61 tan metrik diikuti oleh Johor 17,415.51 tan metrik dan Selangor 17,081.70 tan metrik.

Pengeluaran daripada ternakan **kolam air payau** meningkat sebanyak 9.10% daripada 32,175.41 tan metrik dalam tahun 2004 kepada 35,103.76 tan metrik dalam tahun 2005. Nilai menurun sebanyak 0.43% daripada RM 674.02 juta kepada RM 671.12 juta. Negeri Perak mempunyai pengeluaran tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 8,985.89 tan metrik.

Pengeluaran dari **sangkar air payau** adalah sebanyak 11,258.54 tan metrik, meningkat berbanding 10,805.54 tan metrik pada tahun 2004. Sementara itu, nilai pengeluaran turut meningkat 3.20% daripada RM 155.07 juta kepada RM 160.04 juta dalam tahun 2005. Johor mendahului negeri lain dengan pengeluaran sebanyak 58,949.30 tan metrik. Pengeluaran utama dari sangkar air payau terdiri daripada ikan Siakap dan Kerapu yang menyumbang sebanyak 50.70% daripada pengeluaran sektor ini. Spesis lain termasuk Jenahak, Merah dan Siakap Merah.

Pengeluaran **siput sudu** telah menurun sebanyak 4.74% daripada 7,904.76 tan metrik dalam tahun 2004 kepada 7,529.95 tan metrik dalam

tahun 2005. Negeri Johor yang merupakan pengeluar utama dengan pengeluaran sebanyak 7,029.29 tan metrik iaitu 93.35% pengeluaran siput sudu negara. Nilai pengeluaran siput sudu meningkat daripada RM 3.26 juta dalam tahun 2004 kepada RM 3.45 juta pada tahun 2005 iaitu penambahan sebanyak 5.89%.

Jumlah pengeluaran **tiram** adalah sebanyak 373.72 tan metrik dalam tahun 2005 dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 1.22 juta. Negeri Sabah mendahului dengan pengeluaran sebanyak 296.06 tan metrik.

Pengeluaran **rumpai laut** pada tahun ini meningkat sebanyak 1.52% iaitu 30,956.90 tan metrik pada tahun 2004 kepada 31,426.20 tan metrik pada tahun 2005 dengan nilai RM 15.71 juta. Negeri Sabah merupakan satu-satunya pengeluar rumpai laut di Malaysia.

3.4 Ikan Hiasan

Jumlah pengeluaran ikan hiasan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.55% daripada 455,723,540 ekor dalam tahun 2004 kepada 458,211,275 ekor dalam tahun 2005. Daripada segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 9.0% daripada RM 106.03 juta dalam tahun 2004 kepada RM 115.58 juta dalam tahun 2005. Negeri Johor merupakan negeri tertinggi menyumbangkan pengeluaran ikan hiasan negara iaitu sebanyak 269,384,510 ekor (58.79%).

4. PENGELUARAN BENIH

Pengeluaran benih dan rega ikan air tawar dari pusat pembaikbiak ikan kerajaan pada tahun 2005 adalah sebanyak 29.28 juta ekor. Spesis utama yang dikeluarkan ialah Jelawat, Tilapia Merah dan Lampam Jawa.

Pengeluaran benih dan rega ikan / udang air payau daripada pusat kerajaan pada tahun 2005 adalah sebanyak 265.75 juta ekor. Spesis utama ialah Siakap, Kerapu, Udang Galah dan Udang Harimau

Pada tahun 2005 sejumlah 7.38 juta ekor benih ikan air tawar dilepaskan ke perairan umum dan sejumlah 24.51 juta ekor benih ikan air tawar dibahagikan kepada penternak-penternak pada tahun 2005.

5. PERAIRAN UMUM

Pendaratan dari perairan umum meningkat kepada 4,582.17 tan metrik daripada 4,118.56 tan metrik pada tahun 2004 iaitu peningkatan sebanyak 11.26%. Negeri Perak adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 1,559.72 tan metrik atau 34.04% daripada keseluruhan pendaratan ikan dari perairan umum.

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA 2005

1. FISHERIES PROFILE

The fisheries sector in 2005, produced 1,421,404.83 tonnes of fish valued at RM5,245.68 million. Statistically, the fisheries sector recorded an overall decrease in production by 7.58% and value by 4.23%, contributing about 1.08% to the GDP*.

By sector, production from marine capture fisheries contributed 1,209,601 tonnes or 87.1% of the nation's fish production with a value of RM 4,017.52 million. Within this sector, the coastal fisheries remained the major contributor with a production of 988,313 tonnes or 71.17% of the nation's fish production. Still to be developed to its full potential, the deep-sea fisheries sector managed 221,288 tonnes or 15.94% of the nation's fish production.

The aquaculture sector recorded a production of 207,219.66 tonnes, which constituted about 14.58% of the total fish production and increasing by 2.47% from the production of 2004. Correspondingly, the value from the aquaculture sector also increased by 3.24% from RM1,158.5 million in 2004 to RM 1,196.0 million in 2005.

The inland fisheries sector continued to be insignificant in 2005 producing only 4,582.17 tonnes or 0.33% of the total fish production with a value RM 32.16 million.

The work force of the fisheries sector consisted of 90,702 fishermen working on licensed fishing vessels and 20,642 fish culturists involved in the various aquaculture systems. These figures do not include thousands more involved directly or indirectly in downstream activities and related

industries. A total of 36,016 fishing vessels were licensed in 2005 with the majority operating traditional gears.

2. MARINE FISHERIES

2.1 Fishermen

A total of 90,702 fishermen were recorded working on licensed fishing vessels in 2005 compared with 89,453 in 2004. Out of that, 39,221 fishermen worked on trawlers and purse seines while the remainder 51,481 fishermen worked on traditional fishing vessels. The West Coast of Peninsular Malaysia had 35,019 (38.6%) fishermen, the East Coast of Peninsular Malaysia, 24,153 (26.6%), while East Malaysia accounted for 31,530 (34.8%) fishermen. The number of foreign fishermen registered had decreased from 28,154 in 2004 to 25,888 in 2005 declining by 8.05%.

2.2 Fishing Vessels

On the whole, fishing vessels registered in Malaysia decreased by 0.33% from 36,136 units in 2004 to 36,016 units in 2005. The number of licensed fishing vessel in Peninsular Malaysia stood at 22,041 units in 2005 which was 61.20% of the total nation's fishing fleet. The number of fishing fleet recorded for the West Coast was 15,611 units contributing 70.83% to the total number of vessel in Peninsular Malaysia, while in the East Coast recorded a percentage of 29.17% which amount to 6,430 units only. In the West Coast, the bulk of the fishing vessels were from the state of Perak which was 4,606 unit (29.50%) while in the East Coast, the bulk of the fishing vessels were from the state of Terengganu which was 2,442 units (37.98%). The number of fishing vessels recorded in East Malaysia

(Sabah, Sarawak and Labuan) was 13,975 unit which was only 38.80% of the national fleet, the majority of which were from Sabah (10,456 units).

The number of deep-sea fishing fleet still remained comparatively small compared with the fishing fleet operating in the inshore waters. In the year 2005, there were 35,180 licensed fishing vessels to exploit the coastal areas compared with only 836 units deep-sea fishing units which increased by 3 units from 833 units in 2004.

2.3 Fishing Gears

Normally each fishing vessel is licensed to operate one fishing gear. However, there are fishing operations where more than one licensed fishing gear is being used. At the same time, there are also licensed fishing vessels being issued more than one fishing gear license but at different seasons. The number of fishing licenses issued for fishing gears will normally exceed the number of fishing vessels licensed. The number of fishing gear licenses issued decreased by 1,909 units from 37,925 in 2004 to 36,016 units in 2005.

2.4 Marine Fish Landings

More than 80% of the total marine landings were mainly contributed by the inshore fisheries sector. This contribution had been regarded as the optimum level and it is anticipated to be in the region of 900,000 tonnes per year, occasionally fluctuating depending on the situation. On the contrary, landings from the deep-sea sector had been on the upward trend at the rate of 10-20% per annum. Considering that the contribution from

the deep-sea sector is only 10%, this achievement is sometimes not noticeable.

In the year 2005, total marine landings dropped quite substantially in comparison with previous years which generally registered an increase by 1% to 4%. The marine landings recorded a production of 1,209,601 tonnes as compared to 1,331,645 tonnes in 2004 decreasing by 9.16%. This decline was brought about by the deterioration in production from the inshore fisheries sector by 13.0% from 1,135,959 tonnes in 2004 to 988,313 in 2005. However, landings from the deep-sea fisheries sector increased by 13.08% from 195,686 tonnes in 2004 to 221,228 tonnes in 2005.

Production from marine landings for the year 2005 is as shown in the following table:

	Inshore Fishery		Deep-Sea Fishery		Total	
	Tonnes	Value (RM)	Tonnes	Value(RM)	Tonnes	Value (RM)
Perlis	91,093	302,349,321	41,954	139,250,693	133,047	441,600,014
Kedah	51,114	169,655,066	12,589	41,784,788	63,703	211,439,854
Penang	19,894	66,030,201	3,554	11,799,405	23,449	77,829,606
Perak	183,729	609,821,650	30,111	99,942,523	213,840	709,764,173
Selangor	74,141	246,082,569	0	0	74,141	246,082,569
N.Sembilan	364	1,207,168	0	0	364	1,207,168
Malacca	1,775	5,890,995	0	0	1,775	5,890,995
W. Johore	15,587	51,736,645	0	0	15,587	51,736,645
West Coast	437,698	1,452,773,616	88,208	292,777,409	525,906	1,745,551,025
Kelantan	17,160	56,956,827	29,335	97,364,310	46,494	154,321,137
Terangganu	82,519	273,890,399	10,492	34,827,518	93,012	308,717,917
Pahang	84,965	282,010,542	26,277	87,216,984	111,242	369,227,526
E. Johore	62,718	208,169,991	5,177	17,179,883	67,894	225,349,874
East Coast	247,362	821,027,759	71,280	236,588,695	318,642	1,057,616,454
Peninsular	685,060	2,273,801,375	159,488	529,366,104	844,548	2,803,167,478
Sarawak	105,845	351,315,171	52,831	175,353,884	158,676	526,669,055
Sabah	180,910	600,464,247	6,158	20,435,898	187,067	620,900,145
Labuan	16,498	61,299,312	2,811	5,484,438	19,310	66,783,750
MALAYSIA	988,313	3,286,880,105	221,288	730,640,324	1,209,601	4,017,520,428

The decline in the inshore fisheries sector was partly due to the natural disaster, tsunami on 26th December, 2004 which influenced the landings continuously for the first six months of the year 2005. This phenomenon caused destruction and fear to the fishermen resulting in lesser fishing vessels going out to sea and thus causing the drop in landings. Towards the later period of 2005, landings were also being influenced by the increase in the price of diesel.

In Peninsular Malaysia, the bulk of the marine landings came from trawlers (54.56%) followed by fish purse seiners (25.68%) and traditional gears (19.76%). In terms of area, the West Coast contributed 62.27% where the state of Perak produced 25.32% followed by Perlis, 15.75%. In the East Coast, the state of Pahang and Terengganu contributed 13.17% and 11.01% respectively. The other states contributed less than 8.8% individually.

In Peninsular Malaysia, landings by trawlers declined by 13.60% on the West Coast and 12.17% in the East Coast. On the contrary landings by fish purse seiners increased in the West Coast (18.92%) but decreased in the East Coast (8.14%).

Data Collection of landings from tuna fishing vessels operating in the open sea of the Indian Ocean had begun this year. At the present moment most of these vessels landed their oceanic tunas in Penang where a total of 2,400 tonnes was being recorded for the year 2005.

In Peninsular Malaysia, the inshore fisheries sector contributed 81.12% of the total marine fish landings decreasing by 15.11% from 807,027 tonnes to 685,060 tonnes in 2005. The deep-sea sector managed to record a 12.26% increase from 142,075 tonnes to 159,489 tonnes in 2005. Landings from the deep-sea sector in Peninsular Malaysia were 72.07% of the overall deep-sea fisheries landings.

A large proportion of the marine landings in Peninsular Malaysia came from the coastal waters (81.12%). It is still a fact that the production from this sector is still contributed mainly (67.72%) by the commercial fishing vessels, namely trawlers and fish purse seiners of below 70 GRT.

3. AQUACULTURE

Aquaculture production in the year 2005 continued to be influenced by the production of cockles and fish from freshwater pond culture and brackishwater pond culture. The total production stood at 207,219.66 tonnes which is an increase of 2.47% compared with 2004. This contributed to 14.58% of the overall fish production in the country.

However in terms of value, this figure increased from RM1,158.5 million in 2004 to RM1,196.0 million in the year 2005 increasing by 3.24%.

A total of 20,642 fish farmers / culturists were involved in the aquaculture industry in 2005, decreasing by 4.02% from 21,507 persons in the year 2004. The bulk of the culturists were involved in the freshwater sector (15,992 persons) accounting for 77.47% of all fish farmers / culturists. The brackish water sector involved only 4,650 fish farmers / culturists.

3.2 Freshwater Culture

Freshwater culture contributed 29.92% of the total aquaculture production in 2005, increasing by 11.61% from 55,556.60 tonnes to 62,006.61 tonnes in 2005. In terms of value, it recorded RM293.30 million which is an increase of 14.98% compared to 2004 contributing nearly 24.82% of the total value of aquaculture production.

Freshwater pond culture spearheaded the production from freshwater culture systems with 67.68% (41,963.29 tonnes) of the total freshwater production, increasing by 6.96% compared with 2004. In terms of value, it recorded an increment of 11.54% from RM180.78 million to RM199.83 million in 2005. The major species cultured were Freshwater Catfish (17,684.46 tonnes), Red Tilapia (12,843.01 tonnes), River Catfish (2,869.98 tonnes) and Black Tilapia (2,551.82 tonnes).

Production from ex-mining pools increased by 33.98% from 8,646 tonnes in 2004 to 11,584.29 tonnes in 2005 posting a value of RM43.19 million increasing by 44.09% from RM30.79 million in 2004. Major species produced were Red Tilapia (5,838.51 tonnes), Big Head Carp (1,961.29 tonnes) and Black Tilapia (1,747.85 tonnes).

Freshwater cage culture which contributed 10.09% to the overall freshwater production registered an increase of 11.47% from 5,610.73 tonnes in 2004 to 6,254.17 tonnes in 2005. Major species produced were Red Tilapia (3,561.95 tonnes) valued at RM18.02 million followed by River Catfish (1,923.39 tonnes) valued at RM14.31 million.

Freshwater tank and pen culture system together provided 9,779.62 tonnes of mainly Red Tilapia, Freshwater Catfish and River Catfish. Selangor was the main producer of fish from tank whereas Kelantan produces the most from pen culture amounting to 248.05 tonnes.

3.3 Brackish Water / Marine Culture

In 2005, the brackish water culture contributed 70.08% of the total aquaculture production. This contribution decreased by 0.97% from 146,668 tonnes in 2004 to 145,213.05 tonnes in 2005. The decrease is influenced by the poor harvest of cockles, which deteriorated by 7.81% from 64,564.75 tonnes in 2004 to 59,520.88 tonnes in 2005. **Cockles** production remained the main bulk from the brackish water production contributing 28.72% of the overall production. The state of Perak remained the top producer contributing 40.63% which is 47,509.61 tonnes followed by Johor (17,415.51 tonnes) and Selangor (17,081.70 tonnes).

Production from **brackish water pond culture** went up by 9.10% from 32,175.41 tonnes in 2004 to 35,103.76 tonnes in 2005. The value decreased by 0.43% from RM674.02 million to RM671.12 million. Perak was the top producer with 8,985.89 tonnes compared to the other states.

Production from **brackish water cage culture** increased to 11,258.54 tonnes as compared to 10,805.54 tonnes in 2004. The value also increased by 3.20% from RM155.07 million to RM160.04 million in 2005. Johore registered the highest production of 58,949.30 tonnes. The major species cultured from brackish water cages were groupers and snappers which contributed 50.70% to this sector. Other species cultured include Mangrove Snapper, Red Snapper and Mangrove Red Snapper.

Mussel production was 7,529.95 tonnes declining by 4.74% from 7,904.76 tonnes in 2004. Johore remained the main producer at 7,029.29 tonnes contributing 93.35% of the total mussels harvested. Value of mussels production also increased from RM3.26 million in 2004 to RM3.45 million (5.83%) in 2005.

Oyster production was at 373.72 tonnes valued at RM1.22 million in 2005 with Sabah as the top producer contributing up to 296.06 tonnes.

Seaweed production increased to by 1.52% to 31,426.20 tonnes in 2005 compared to 30,956.90 tonnes in 2004 with a value at RM 15.71 million with Sabah as the only state that produced seaweed in Malaysia.

3.4 Ornamental Fish

The total production of ornamental fish increase by 0.55% from 455,723,540 pieces to 458,211,275 pieces in 2005. In the term of value, the increase was 9.00% from RM106.03 million in 2004 to RM115.58 million in 2005. Johore remained as the main producer contributing 269,384,510 pieces which was 58.79% of the total production of ornamental fish in 2005.

4. FISH SEED PRODUCTION

Production of freshwater fingerlings from government hatcheries in 2005 is 29.28 million pieces. The main species breeds are mainly River Carp, Red Tilapia and Javanese Carp.

Production of brackish water fingerlings fish/prawn from government hatcheries in 2005 was 265.75 million pieces. The main species were Barramundi, Grouper, Tiger Prawn and Giant Freshwater Prawn.

In the year 2005 about 7.38 million pieces freshwater fingerlings were released to public water bodies and amounting 24.51 million pieces freshwater fingerlings were distributed to farmers.

5. PUBLIC WATER BODIES

Public water bodies landing effort increase to 4,582.17 tonnes in 2005 from 4,118.56 tonnes in 2004 increasing by 11.26%. Perak remain the top producer of the total landings from public water bodies at 1,559.72 tonnes or 34.04%.